

# Kongres oftalmologi iktiraf sumbangan Dr Wan Azizah

## Isteri PM terima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat

Oleh A'qilah Riduan dan Noor Hafizah Ahmad Jaafar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat dalam Oftalmologi 2025 di sini, semalam.

Majlis diadakan pada Kongres Sainifik Perdana Oftalmologi Malaysia yang dirasmikan Dr Wan Azizah bertema 'Kami Bersatu: Satu Visi untuk Malaysia'.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Nor Fariza Ngah; Presiden Per-

satuan Oftalmologi Malaysia dan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penganjur kongres, Dr Mizwan Muiz Mahyudin; Ketua Perkhidmatan Oftalmologi KKM dan Pakar Runding Glaukoma yang juga Ketua Jabatan Oftalmologi Hospital Tengku Ampuan Afzan, Dr Mohd Aziz Husni; Pakar Runding Oftalmologi Pediatrik dan Pensyarah Kanan, Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian yang juga Presiden Kolej Pakar Oftalmologi, Akademi Perubatan Malaysia, Prof Dr Shatriah Ismail.

Dr Wan Azizah yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak berkata, kongres ini ialah satu detik bersejarah dalam perjalanan oftalmologi di negara ini.

"Sebagai pakar oftalmologi, kita diberi keistimewaan untuk memulihkan satu anugerah kehidupan yang paling berharga.

"Kita berupaya untuk melihat wajah insan tersayang, keindahan negara kita dan harapan masa depan," katanya ketika berucap merasmikan kongres itu.



Dr Wan Azizah menerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat dalam Oftalmologi 2025 daripada Dr Miswan pada Kongres Sainifik Perdana Oftalmologi Malaysia, di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)